

Selangor tak pernah keluar arahan beku permohonan TOL



Suee Lim dan wakil Tawas dan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Sekinchan dan Dun Sungai Panjang bergambar bersama-sama kanak-kanak pada Program Penyerahan Penyata Simpanan Tawas di Dewan Seri Sekinchan, semalam.

SEKINCHAN – Rakyat di negeri ini khususnya di Dun Sekinchan masih boleh memohon Lesen Pendudukan Sementara (TOL) selepas Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim mengumumkan tiada sebarang arahan pembekuan dikeluarkan.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berkata, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Sabak Bernam yang sebelum ini membekukan permohonan baru kepada penduduk mungkin salah faham dengan pendirian dibuat kerajaan negeri berhubung status berkenaan.

Katanya, semasa sidang Dun lalu, Khalid menjelaskan, kerajaan negeri

tidak pernah membekukan sebarang permohonan malah bersedia memberikan hak pemilikan terhadap mereka yang menduduki tanah termasuk berstatus TOL.

“Perkara ini saya ajukan sendiri kepada menteri besar semasa Sidang Dun lalu. Ulasan beliau (Khalid) bahawa TOL tidak dibekukan dan mungkin ada salah faham pejabat tanah berhubung perkara ini,” katanya pada Program Penyerahan Penyata Simpanan Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) di Dewan Seri Sekinchan, semalam.

Beliau menjelaskan, sebarang permohonan TOL boleh dihantar

ke PTD masing-masing di negeri ini. Namun, proses kelulusannya hanya diluluskan di peringkat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES).

“Harus diingatkan tanah rizab kerajaan, tepi sungai dan rizab jalan tidak akan dipertimbangkan, hanya tanah kerajaan negeri yang tidak dirizabkan akan dipertimbangkan” katanya.

Mengulas mengenai desakan nelayan Sekinchan yang mahu kerajaan Selangor mengeluarkan garis panduan berhubung status tanah di semua jeti pendaratan ikan di negeri ini, katanya, kerajaan negeri mempunyai penyelesaian holistik dalam menangani perkara terbabit.